

STPM Kertas 1 2017:

Soalan 4

- (a) Dengan merujuk kepada MFRS 102 Inventori,
- (i) Takrifkan *inventori*, (1 markah)
 - (ii) Nyatakan bagaimana inventori harus dinilai pada penghujung tempoh perakaunan, (1 markah)
 - (iii) Nyatakan tiga pengkelasan utama bagi inventori. (1 markah)
- (b) Kebakaran di gudang Syarikat Kelisa Sdn Bhd pada 11 Mac 2015 telah mengakibatkan kemusnahan kepada sebahagian daripada inventori barang niaga syarikat. Pihak pengurusan syarikat telah berusaha untuk menganggar amaun barang niaga yang musnah. Barang niaga bernilai RM27,000 telah berjaya diselamatkan. Semakan buku akaun bagi bulan Januari hingga Februari 2015, menunjukkan maklumat seperti yang berikut:

<i>Butiran</i>	<i>RM</i>
Hasil jualan	103,700
Belian tunai	46,800
Belian kredit	18,100
Elaun dan pulangan diterima	2,800
Elaun dan pulangan diberi	2,300
Diskaun diterima	2,500
Diskaun diberi	1,700
Angkutan masuk	2,400
Angkutan keluar	1,600

Analisis penyata bank bagi bulan Mac 2015 menunjukkan cek yang dikeluarkan bagi pembayaran belian tunai bagi tempoh 1 Mac 2015 hingga 11 Mac 2015 berjumlah RM4,100. Dalam tempoh yang sama sebanyak RM15,500 telah didepositkan dalam bank. Sebanyak 40% daripada amaun deposit itu adalah daripada kutipan akaun belum terima, manakala bakinya merupakan kutipan daripada jualan tunai.

Pembekal utama syarikat mengesahkan bahawa belian kredit dalam tempoh 1 Mac 2015 hingga 11 Mac 2015 berjumlah RM14,200, manakala pelanggan syarikat mengesahkan bahawa jualan kredit dalam tempoh yang sama berjumlah RM29,000. Margin keuntungan bagi tahun 2013 ialah 32.8%.

Maklumat kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 adalah seperti yang berikut:

<i>Butiran</i>	<i>RM</i>
Jualan bersih	650,000
Kos barang dibeli	454,000
Inventori awal	110,000
Inventori akhir	130,000

Dikehendaki:

Hitung,

- (i) Baki akaun jualan dan belian pada 11 Mac 2015, (4 markah)
- (ii) Margin keuntungan bagi tahun 2014, (3 markah)
- (iii) Purata margin keuntungan bagi dua tahun, iaitu tahun 2013 dan tahun 2014, (1 markah)
- (iv) Amaun inventori yang termusnah dengan menggunakan kaedah margin keuntungan purata. (9 markah)